



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

28 MAC 2022 (ISNIN)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

28 MAC 2022 (ISNIN)

Lebih 2.2 tan minyak masak paket dijual dalam masa 2 hari

Kangar: Lebih 2.2 tan minyak masak paket terjual pada Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) sempena program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) Perlis dalam masa dua hari sejak Jumaat lalu.

Program hari ketiga semalam dan masih dikunjungi ramai, menawarkan barang keperluan dengan harga lebih murah, termasuk minyak masak paket yang dijual 20 peratus lebih rendah berbanding pasaran.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perlis, Norazah Jaapar, berkata barangan lain yang habis dijual di khemah KPDNHEP pada hari pertama dan kedua program berkenaan ialah telur ayam gred B.

"Oleh kerana ini hari ketiga (terakhir), bermula 3 petang kita ada acara istimewa untuk semua pengunjung iaitu harga yang ditawarkan itu akan menjadi lebih rendah," katanya kepada BERNAMA di sini, semalam.

Norazah berkata, empat khemah yang dibuka untuk PJKM kali ini adalah KPDNHEP, Suruhanjaya Koperasi Malaysia membabitkan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad; Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang ber-naung di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan; dan MyGrocer@Wilayah daripada Kementerian Wilayah Persekutuan.

Bellau berkata, tiada nilai jualan khusus yang ditetapkan kerana sasaran utama adalah membantu golongan B40 mendapatkan barangan keperluan pada harga lebih rendah.

Antara barangan dijual di khemah PJKM KPDNHEP dengan harga RM2 setiap barangan ialah ikan bilis paket 150 gram (g), kicap 420 g, sos cili botol 400 g dan kopi paket 130 g.

Norazah berkata, PJKM akan diteruskan di Perlis dan paling terdekat adalah pada Khamis ini di Taman Beseri Indah bermula jam 2 petang hingga 6 petang.

Jelajah AKM adalah kesinambungan kejayaan dan sambutan memberangsangkan Program 100 Hari AKM di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada Disember tahun lalu, dengan objektif memastikan rakyat di semua peringkat memahami serta menghayati aspirasi Keluarga Malaysia.

Perlis menjadi destinasi ketiga AKM yang berlangsung di Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra bermula 25 Mac hingga semalam.

BERNAMA

2.2 tan minyak masak peket terjual dalam dua hari

KANGAR - Lebih 2.2 tan minyak masak paket terjual pada Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) bersempena program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) Perlis dalam masa dua hari sejak Jumaat lepas.

Program selama tiga hari itu menawarkan barang keperluan dengan harga lebih murah, termasuk minyak masak paket yang dijual pada harga 20 peratus lebih rendah daripada pasaran.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perlis, Norazah Jaapar berkata, selain minyak masak paket, barangan lain yang habis dijual pada hari pertama dan kedua program berkenaan ialah telur ayam gred B.

"Empat khemah yang dibuka terdiri daripada KPDNHEP, Suruhanjaya Koperasi Malaysia melibatkan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad; Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) yang ber-naung di bawah Kementerian

JELAJAH AKM PERLIS

Pertanian dan Industri Makanan; dan MyGrocer@Wilayah daripada Kementerian Wilayah Persekutuan.

"Tiada nilai jualan khusus ditetapkan kerana sasaran utama adalah membantu golongan B40 mendapatkan barangan keperluan dengan harga lebih rendah," katanya ketika ditemui di sini pada Ahad.

Norazah berkata, PJKM akan diteruskan di Perlis dan paling terdekat adalah pada Khamis ini di Taman Beseri Indah bermula jam 2 petang hingga 6 petang.

Jelajah AKM merupakan kesinambungan kejayaan dan sambutan memberangsangkan Program 100 Hari AKM di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada Disember tahun lepas dengan objektif memastikan rakyat di semua peringkat memahami serta menghayati aspirasi Keluarga Malaysia.

Perlis menjadi destinasi ketiga AKM yang berlangsung di Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra bermula 25 Mac hingga Ahad. - *Bernama*



Gerei menjual minyak masak paket mendapat sambutan orang ramai.



Nawi (dua dari kanan) menziarahi warga emas di Kampung La, Hulu Besut, semalam. (Foto Baharom Bakar/BH)

‘Anjur Jualan Keluarga Malaysia di lokasi berbeza’

ADUN minta beri peluang lebih ramai rakyat dapat bekalan barangan harga murah

Oleh Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

Jertih: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) diminta mempelbagaikan lokasi penganjuran Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang akan dilanjutkan selepas diadual tamat akhir bulan ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Besut, Datuk Nawi Mohamad, berkata PJKM di lokasi berbeza setiap bulan membantu mengurangkan beban ra-

kyat terutama di pedalaman berbanding diadakan di lokasi sama dari semasa ke semasa.

“Anjur di lokasi berbeza bagi memberi peluang lebih ramai rakyat mendapatkan bekalan barang keperluan harian pada harga lebih murah berbanding pasaran. KPDNHEP juga disaran bekerjasama dengan wakil rakyat dan pemimpin masyarakat sebelum menganjurkan PJKM.

“KPDNHEP boleh minta pandangan wakil rakyat serta pemimpin masyarakat untuk menentukan lokasi sesuai mengadakan PJKM,” katanya pada sidang media selepas program menyantuni warga emas uzur sempena Ramadan di Kampung La, Hulu Besut, di sini semalam.

Beliau yang juga bekas Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar, Usahawan, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, memberi contoh, PJKM di kawasan Hulu Besut diadakan di Kampung Batu pada 13 Februari

dan sekali lagi dianjurkan di lokasi sama pada Jumaat lalu.

“Jika KPDNHEP mengadakan PJKM di lokasi sama setiap minggu atau bulan, usaha mengurangkan bebanan rakyat di luar bandar akan terbantut.

“Pada persidangan Dewan Undangan negeri (DUN) Terengganu yang berakhir Khamis lalu, semua wakil rakyat bersetuju PJKM diteruskan, tetapi perlu di lokasi berasingan,” katanya.

Nawi berkata, wakil rakyat di Terengganu juga bersetuju menyediakan pelbagai kemudahan, termasuk kawasan luas yang boleh menempatkan ruang niaga seperti ditetapkan KPDNHEP.

“Kita akan membantu KPDNHEP dapatkan kerjasama pihak berkuasa tempatan, termasuk pejabat daerah untuk menghebahkan PJKM, terutama di pedalaman,” katanya turut meminta PJKM diteruskan sehingga ekonomi pulih, bukan terhad sehingga Ramadan ini sahaja.

Timbalan Menteri akui harga barang akan naik

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kira-kira 1,000 pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memantau kenaikan harga barang dan mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang mengambil untung melampau.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, pemantauan sentiasa dilakukan kakitangannya di seluruh negara supaya tidak berlaku harga jualan secara melampau.

Kata beliau, rutin dan tugas kementerian bukan sahaja memerhati penawaran harga jualan antara peniaga dan pengguna, malah pemantauan dilakukan ke atas pembekal serta peruncit.

"Dari segi kenaikan harga barang, kita tidak ada satu cara un-

Peniaga terpaksa letak harga mahal tampung kos barang mentah

Juadah Ramadan naik

DATUK ROSOL WAHID berkata, pihaknya akan memantau harga barang menjelang Ramadan. Beliau berkata, pihaknya akan mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang mengambil untung melampau.

Beliau berkata, pihaknya akan memantau harga barang menjelang Ramadan. Beliau berkata, pihaknya akan mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang mengambil untung melampau.

Beliau berkata, pihaknya akan memantau harga barang menjelang Ramadan. Beliau berkata, pihaknya akan mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang mengambil untung melampau.

Beliau berkata, pihaknya akan memantau harga barang menjelang Ramadan. Beliau berkata, pihaknya akan mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang mengambil untung melampau.

Kita akui kenaikan akan berlaku disebabkan pelbagai faktor seperti masalah Covid-19, pengangkutan, penukaran mata wang asing, perang Ukraine-Rusia dan banjir."

ROSOL WAHID

kos modal harga bahan mentah yang melambung tinggi.

Bayangan kenaikan harga

tersebut diluahkan peniaga dan persatuan peniaga di Kedah, Selangor, Perak dan Negeri Sembilan yang terpaksa membuat pilihan sama ada bersedia menjual dengan harga makanan lebih mahal atau tidak berniaga semasa bulan tersebut.

Mengulas perkara itu, Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkenaan menasihati para peniaga tidak menjual terlalu tinggi hingga menganiaya pengguna atau pembeli semasa bulan Ramadan.

"Kita akan lihat kos modal peniaga dan berapakah nilai harga yang diletakkan pada pembeli. Sebagai contoh modalnya RM1 untuk satu juadah tetapi dijual dengan harga RM5, itu melampau.

"Kementerian akan mengambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011," jelasnya.



SINDIKET SELEWENG DIESEL SUBSIDI DAN TAUKE STESEN MINYAK ADA 'MoU'

GUNA DUA NOZEL SERENTAK

Oleh Mohd Jamil
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Makin menjadi-jadi dan halobal la-sulan kemunculan puluhan sindiket atau 'penyangk diesel' yang mengaut untung atas angin mencecah ratusan ribu ringgit sebulan.

Lonjakan kos sumber tenaga susulan krisis Russia-Ukraine diambil kesempatan sindiket tempatan meningkatkan kegiatan penyelewengan serta menjual diesel subsidi dicuri kepada pihak industri.

Hasil maklumat diperolehi Harian Metro, perbezaan tinggi antara harga diesel industri sekitar RM3.30 hingga RM3.80 sen seliter berbanding harga runcit diesel subsidi iaitu RM2.15 seliter menjadi 'tarikan' utama selain punca aktiviti penyelewengan semakin berleluasa.

RM2.60

Harga seliter diesel di pasaran gelap.

sa.

Sumber berkata, sindiket penyelewengan diesel subsidi mampu memperoleh keuntungan besar sekitar 50 sen hingga RM1 ringgit bagi setiap liter diesel diseleweng.

"Mengambil kira perbezaan harga diesel subsidi dan diesel kegunaan industri iaitu sebanyak RM1.65 sen, sindiket masih mampu menjana keuntungan besar apabila ia dijual di pasaran gelap pada harga RM2.50 sen atau RM2.60 seliter.

"Di sini wujudnya komploit rantaian antara sindiket dan segelintir pengusaha stesen minyak yang membekalkan diesel subsidi kepada mereka.

"Melalui harga pam runcit



PEGAWAI penguat kuasa KPDNHEP Putrajaya menahan lori yang digunakan sindiket untuk membeli dan mengumpulkan diesel subsidi.

diesel RM2.15 seliter ini, pengusaha stesen minyak akan membenarkan kumpulan sindiket membeli sebanyak mungkin diesel subsidi menggunakan lori diubah suai," katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, ada antara lori digunakan sudah diubah suai bagi membolehkan dua muncung nozel digunakan serentak dalam satu masa.

"Diesel disedut masuk kemudian dipindahkan serta merta menggunakan motor khas ke tangki tersembunyi di atas lori. Kegiatan ini dilakukan berulang kali menggunakan lori sama," katanya.

Menurutnya, segelintir pengusaha stesen minyak ini bukanlah rakan kongsi sindiket sebaliknya mereka hanya mahu 'melarikan' jualan diesel sebanyak mungkin.

"Mereka (pengusaha stesen minyak) hanya mengejar volume (kuantiti diesel dijual) tanpa mengambil kira siapa yang membekalkan



TANGKI khas pada bahagian belakang lori yang digunakan untuk menyembunyikan diesel subsidi.

termasuk rangkaian sindiket penyelewengan diesel ini.

"Bukan semua mereka (pemilik stesen minyak) bersubahat namun mereka tahu dan ambil sikap 'pejam mata' jika ada lori milik sindiket membeli diesel dalam kuantiti besar.

"Sepatutnya pengusaha stesen minyak ini perlu me-

mantau dan bertanggungjawab menyenarai hitam lori-lori yang digunakan untuk mencuri diesel subsidi ini," katanya.

Menurutnya, berdasarkan maklumat risikan dikumpul, ada lori-lori milik sindiket sedia 'berkampung' di stesen minyak untuk mengisi penuh diesel sebelum berlalu pergi.

"Pemandu lori terbabit didapati tidak membuat pembayaran tunai di kaunter stesen minyak berkenaan. Besar kemungkinan wujud MoU (memorandum persefahaman) apabila sindiket akan membayar diesel dibeli menggunakan kaedah lain dipersetujui.

"Setakat ini pihak KPDNHEP sudah memberi amaran keras dan terdapat beberapa stesen minyak dan pemborong sudah digantung lesen dan kebenaran kerana melakukan aktiviti penyelewengan ini," katanya.

Menurutnya, berbanding petrol atau gas petroleum cecair (LPG) subsidi, margin diperolehi sindiket melalui hasil penjualan diesel subsidi kini lebih menguntungkan.

Difahamkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memandang serius isu ini dan syarikat terbabit boleh disiasat mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Darpada Aktiviti Haram 2001 (AMLAPEPUA 2001) (Akta 613) iaitu kesalahan pengubahan wang haram bagi tujuan mengesan, membeku, menyita serta sehingga ke peringkat perlucutan hak ke atas apa-apa hasil pendapatan atau harta yang dijana daripada aktiviti haram penyelewengan barang kawalan bersubsidi terutamanya berkaitan minyak diesel.

"Jika disabitkan dengan kesalahan mengikut Akta 613 ini, suspek boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 15 tahun dan juga boleh didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau RM5 juta yang mana lebih tinggi," katanya.

ANTARA KES PENYELEWENGAN DIESEL BERJAYA DITUMPASKAN

21 Mac 2022

KPDNHEP Putrajaya berjaya menumpaskan aktiviti penyelewengan diesel bersubsidi hasil serbuan di sebuah stesen minyak di Kota Bayuemas dan Kampung Baru, Telok Gong serta merampas 40,390 liter diesel.

23 Februari 2022

KPDNHEP mengesan sindiket penyelewengan diesel bersembunyi di tapak binaan di Jalan Pintasan Dengkil, Selangor dan merampas 64,400 liter diesel subsidi dianggarkan bernilai RM178,347.85. Pemilik sebuah stesen minyak turut diambil tindakan.

20 Februari 2022

Pasukan Polis Marin Wilayah 5 (PPMWS) merampas 12,000 liter diesel bernilai RM25,800 cuba diseludup keluar negara menggunakan sebuah lori di Jalan Sibut-Bintan, Sarawak.

17 Februari 2022

KPDNHEP merampas 4,800 liter diesel selain sebuah lori tangki hasil serbuan di stor penyimpanan di Tambun, Perak.

14 Februari 2022

KPDNHEP Putrajaya berjaya menumpaskan sindiket kegiatan penyelewengan diesel bersubsidi susulan serbuan di sebuah premis dan stesen minyak di Jalan Klang Banting, Jenjarom Kuala Langat, Selangor. Diesel sebanyak 26,459 liter bernilai kira-kira RM56,888 dirampas.

27 Januari 2022

KPDNHEP Pulau Pinang menggagalkan cubaan menyeleweng 2,800 liter diesel bersubsidi bernilai lebih RM6,500 hasil serbuan di sebuah stesen minyak di Jalan Bukit Tengah, Pulau Pinang.

13 Januari 2022

Pasukan Gerakan Am (PGA) menahan tiga lelaki dan merampas 6,000 liter diesel cuba diseludup di sebuah jeti awam di Jalan Ding Lik Kong, Sungai Merah, Sibut, Sarawak.

3 Januari 2022

Pemandu lori ditahan selepas membeli diesel tanpa permit sah di sebuah stesen minyak di Serdang, Kedah. Sebanyak 1205 liter diesel bernilai RM2,590 dirampas.

Kuncu sindiket ulang-alik beli diesel

Putrajaya: Ibarat kerja 'tentera semut' apabila kuncu sindiket diesel akan berulang alik ke stesen minyak untuk membeli diesel sebelum dibawa pulang ke markas tersembunyi.

Mereka diarah mengunakan lori siap diubah suai atau diletakkan tangki tambahan bagi mengis

nyak mungkin diesel subsidi yang mahu diseleweng.

Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya, Azman Adam berkata, terbaru kegiatan penyelewengan diesel bersubsidi itu dibongkar anggota Penguatkuasa KPDNHEP

Putrajaya susulan risikan dilakukan terhadap aktiviti di stesen minyak dan stor haram milik sindiket.

Menurutnya, hasil usaha dilakukan, pihaknya berjaya menumpaskan aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi susulan dua serbuan berasingan di sebuah stesen minyak dan premis di

Klang, Selangor kelmarin.

"Serbuan bermula jam 10 pagi membabitkan 12 pegawai dan anggota KPDNHEP di sebuah stesen minyak.

"Ketika serbuan dilakukan, kami mengesan sebuah lori sedang mengisi diesel bersubsidi di dua pam berasingan di stesen minyak berkenaan," katanya.

<<<DARI MUKA 8



TANGKI tambahan di belakang lori untuk isi diesel subsidi.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan mendapati pemandu lori terbabit gagal mengemukakan lesen di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi berurusan secara borong atau runcit barang kawalan berjadual iaitu minyak diesel.

"Siasatan lanjut mendapati, suspek mengisi diesel subsidi itu ke dalam dua tangki tambahan berbentuk empat segi di bahagian belakang muatan lori itu.

"Dua lelaki warga tempatan masing-masing berumur 24 dan 35 tahun yang mengaku sebagai pemandu lori berkenaan ditahan di stesen minyak itu," katanya.

Azman berkata, dalam satu lagi serbuan serentak di sebuah premis disyaki stor haram penyimpanan diesel tidak dilesenkan, pihaknya menahan beberapa individu yang sedang melakukan aktiviti memindahkan diesel daripada sebuah lori ke dalam tiga tangki khas.

Menurutnya, pihak premis yang disoal siasat gagal mengemukakan lesen di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi berurusan secara borong atau runcit barang kawalan berjadual iaitu diesel.

"Hasil dua serbuan itu, kami menyita 40,390 liter diesel, dua lori, beberapa unit saluran paip getah dan dokumen. Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM 207,835.

"Kertas siasatan dibuka dan siasatan lanjut terhadap kes ini akan dilakukan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi mengenalpasti rantaian pengedaran diesel bermula daripada stesen minyak sehinggalah ke stor haram terbabit seterusnya ke peringkat pembelian.

"Jika sabit kesalahan, mereka boleh didenda tidak lebih RM 1,000,000 bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Manakala bagi syarikat, bo-



TANGKI besar digunakan sindiket untuk mengumpul diesel subsidi di sebuah premis di Klang.



leh didenda tidak melebihi RM 3,000,000," katanya.

Menurutnya, Kementerian juga akan mengambil tindakan tegas dengan menggantung sementara lesen berkaitan barang kawalan dan kebenaran Akta Kemajuan Petroleum (PDA) 1974 oleh syarikat yang terbabit sehingga siasatan selesai dijalankan dan keputusan kes dimuktamadkan.

"KPDNHEP ingin memberikan amaran keras kepada semua pengusaha dan peniaga bahawa Kementerian tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati terbabit dalam sindiket dan aktiviti haram ini. "Tindakan tegas akan diambil termasuk mendakwa mereka di Mahkamah berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Pence-

gahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001)," katanya.

Beliau berkata, masyarakat disaran untuk menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa dengan memberikan kerjasama sekiranya mempunyai sebarang maklumat berhubung aktiviti penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi bagi memastikan aktiviti haram ini dapat dibanteras sehingga ke akar umbi.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung penyelewengan barang kawalan dan bersubsidi boleh menyalurkan aduan lengkap kepada pihak Kementerian melalui WhatsApp 019-279 4317, Portal Aduan; e-aduan.kpdnhep.gov.my atau menghubungi 1-800-886-800.